

07 JUL 2003

SWITZERLAND-SIASATAN/I

TIADA KETIDAKPATUHAN KEWANGAN SELEPAS SIASATAN, KATA DUTA SWITZERLAND

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Penyiasatan terhadap dakwaan ketidakpatuhan kewangan "sebuah firma Malaysia" di Switzerland tidak menemui sebarang bukti salah laku.

Tiada bukti sebuah syarikat Malaysia terbabit dalam ketidakpatuhan di Switzerland, kata dutanya ke Malaysia Dr Peter A. Schweizer hari ini.

"Tiada kesalahan ditemui" daripada penyiasatan akaun "sebuah firma Malaysia," katanya ketika ditanya pemberita mengenai kerjasama Switzerland terhadap kerajaan Malaysia bagi menyediakan maklumat mengenai dana haram yang didakwa didepositkan di bank Switzerland.

Duta Switzerland itu berkata demikian di forum "Fakta dan Mitos mengenai Perbankan Switzerland" anjuran Institut Strategik dan Pengajian Antarabangsa (ISIS), di mana beliau merupakan penceramah utama.

Dr Schweizer, bagaimanapun, enggan menamakan syarikat itu walaupun para wartawan menamakan syarikat besi waja milik negara, Perwaja Steel, yang didakwa menindahkan jutaan ringgit ke dalam akaun haram di bank Switzerland.

"Anda tahu mengenainya, ia kini dalam proses," katanya.

"Anda boleh membaca dalam akhbar anda bahawa kerajaan anda kini menyiasat ke arah lain, ke negara lain," katanya.

Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Kewangan, Hashim Ismail, berkata pada 28 April, 2003, bahawa penyiasatan terhadap ketidakpatuhan membabitkan Perwaja Steel telah selesai lebih separuh dan kerajaan sedang mencuba sedaya upaya menyelesaikan kes itu secepat mungkin.

Kerajaan tidak melambat-lambat siasatan, katanya.

Katanya, siasatan itu terlewat kerana siasatan membabitkan beberapa negara dengan sesetengah institusi kewangan di negara berkenaan keberatan untuk bekerjasama kerana ingin melindungi kerahsiaan pelanggan masing-masing.

Bagaimanapun, Hashim berkata, bank Switzerland telah bersetuju mengendurkan peraturannya ekoran perbincangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan para pegawai Switzerland semasa beliau melawat Switzerland dalam bulan Jun tahun lepas.

Semasa di sana, Dr Mahathir telah meminta kerajaan Switzerland membantu menyiasat, terutama untuk mengakses maklumat berhubung dana Perwaja.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Rais Yatim memberitahu Dewan Rakyat pada 28 Mac, 2003, bahawa penyiasatan di Switzerland telah selesai.

Rais turut berkata, Badan Pencegah Rasuah (BPR) sedang mengumpul bukti daripada rakan sejawatan mereka di Jepun bagi menyiasat Perwaja.

Katanya, BPR sedang mendapatkan maklumat mengenai transaksi yang dilakukan melalui institusi kewangan di Jepun dan Hong Kong.

Dr Schweizer berkata, "kerajaan Switzerland bersedia bekerjasama dengan kerajaan Malaysia mengenai kes yang disyaki. Perkara itu ialah bantuan perundangan."

Bagaimanapun, katanya, kerahsiaan perbankan Switzerland "masih kekal."

Ia boleh dikecualikan pada bila-bila masa oleh mahkamah bagi dilakukan penyiasatan sebarang aktiviti jenayah yang disyaki.

"Ia bergantung kepada kerjasama politik antara Swizerland dan mana-mana kerajaan bagi mengawal jenayah dan penghantaran dana yang disedut secara haram," katanya. -- BERNAMA

FAY MR TJK AHM

